



PERLINDUNGAN IDENTITI DAN AKSES UNTUK RAKYAT MELALUI **ID DIGITAL**

Pada era digital hari ini, identiti kita telah melangkaui sempadan fizikal dan meluas ke alam maya.

Kehadiran ID digital membolehkan individu berinteraksi secara dalam talian dengan selamat dengan mengubah cara kita menjalani kehidupan, melakukan pekerjaan dan melibatkan diri dengan masyarakat. Pasport digital ini menawarkan pelbagai faedah seperti memperkemas perkhidmatan kerajaan dan meningkatkan keterangkuman kewangan.

Ketika Malaysia giat memulakan perjalanan transformasi digital, pelaksanaan MyDigital ID mempunyai potensi besar untuk merevolusikan cara rakyat Malaysia berinteraksi dengan kerajaan, perusahaan swasta, mahupun antara satu sama lain. Malaysia bukanlah negara pertama yang mengaplikasikan ID digital pada peringkat nasional. Terdapat beberapa negara yang telah pun berjaya mengasimilasikan ID digital nasional dalam kehidupan rakyat mereka.

Estonia merupakan antara contoh negara terawal yang membangunkan ekosistem digital ID. Program e-residensi mereka yang dilancarkan pada tahun 2014 membolehkan individu dari seluruh dunia menubuhkan dan menjalankan perniagaan dari jauh. Hal ini dapat

memupuk inovasi dan pertumbuhan ekonomi, yakni menjadikan Estonia sebagai hab digital yang sedang membangun.


Di luar konteks e-residensi, warga Estonia turut menikmati faedah infrastruktur digital yang mantap, termasuklah melakukan pengundian secara digital, capaian kepada rekod e-kesihatan serta akses yang lancar kepada perkhidmatan kerajaan. Estonia berjaya menangani cabaran seperti kebimbangan privasi data dan potensi serangan siber dengan banyak melabur dalam sektor keselamatan siber dan celik digital.

Sistem Aadhaar India yang dilancarkan pada tahun 2009 juga merevolusikan cara berjuta-juta orang India mengakses perkhidmatan kerajaan dan produk kewangan. Nombor pengenalan unik yang menjadi ID digital rakyat India ternyata berfungsi dalam menyelaraskan proses birokrasi, mengurangkan rasuah dan meningkatkan kecekapan program kebajikan sosial. Selain itu, Aadhaar juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan rangkuman kewangan, terutamanya di kawasan luar bandar. Walaupun menghadapi cabaran awal seperti kebimbangan

privasi dan gangguan teknikal, kerajaan India telah melaksanakan langkah perlindungan data yang ketat dan terus meningkatkan keupayaan teknikal sistem.

Negara jiran, Singapura juga memanfaatkan teknologi ID digital untuk memudahkan kehidupan rakyatnya. Platform SingPass yang dilancarkan pada tahun 1998 membolehkan rakyatnya mengakses pelbagai perkhidmatan sektor kerajaan dan swasta secara dalam talian. Hal ini dapat memperkemas proses dan menjimatkan masa rakyat secara keseluruhan. Semasa era pandemik COVID-19, Singapura menggunakan pengesanan kontak digital dengan berkesan untuk membendung penyebaran virus, memperlihatkan kemampuan ID digital dalam situasi darurat kesihatan awam. Untuk mengekalkan tahap keselamatan digital yang tinggi, Singapura juga banyak melakukan pelaburan dalam infrastruktur keselamatan siber di samping menjalankan latihan keselamatan siber secara kerap supaya rakyatnya bersedia menghadapi potensi ancaman.

MyDigital ID yang dibangunkan di negara ini tidak sekadar sistem



MyDigital ID merupakan pemangkin transformasi sosial yang membolehkan rakyat mengakses perkhidmatan dengan lebih efisien.

identiti digital biasa. Perkara ini menjadi pemangkin transformasi sosial yang membolehkan setiap rakyat Malaysia mengakses perkhidmatan kerajaan dan swasta dengan lebih efisien. Sistem ini banyak mengubah landskap perkhidmatan awam negara, serta membolehkan urusan seperti pembaharuan lesen, pembayaran cukai dan permohonan bantuan kebajikan dilakukan secara dalam talian dengan mudah dan selamat.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam pembangunan digital negara, iaitu jurang yang ketara antara kawasan bandar dengan luar bandar. MyDigital ID dikatakan mampu menangani isu ini melalui penubuhan pusat perkhidmatan pendaftaran mudah alih yang menjangkau kawasan pedalaman. Perkhidmatan sokongan digital untuk komuniti terpencil turut disediakan untuk memastikan tiada yang tertinggal dalam arus pemodenan digital ini. Program pemerksaan digital untuk golongan rentan yang dilaksanakan turut disokong oleh bantuan teknikal di perkhidmatan kaunter bergerak. Talian bantuan 24 jam juga turut disediakan bagi memastikan sokongan berterusan kepada pengguna.

Isu keselamatan sentiasa menjadi fokus utama dalam pembangunan

sistem MyDigital ID. Teknologi keselamatan termaju, seperti sistem Public Key Infrastructure (PKI) digunakan untuk pengesahan identiti, manakala kriptografi tahan kuantum bakal menyediakan perlindungan untuk masa hadapan. Sistem ini turut dilengkapi dengan pengesahan biometrik pelbagai lapisan dan pemantauan keselamatan siber berterusan untuk melindungi data pengguna.

Meskipun begitu, terdapat beberapa salah faham dalam kalangan masyarakat tentang fungsi sebenar MyDigital ID. Sesetengah pihak menganggap sistem ini sebagai alat untuk menyimpan dan memantau semua data peribadi rakyat atau mengesan aktiviti dalam talian mereka. Pada hakikatnya, MyDigital ID hanyalah pengenalan digital yang berfungsi seperti kad pengenalan fizikal dalam bentuk digital. MyDigital ID tidak menyimpan sebarang maklumat peribadi selain daripada nombor pengenalan diri dan kunci awam sijil digital. Bahkan, MyDigital ID juga tidak mempunyai keupayaan untuk memantau aktiviti dalam talian pengguna.

Sistem ini beroperasi untuk menggunakan prinsip yang sama seperti kad pengenalan biasa, tetapi

dalam bentuk digital yang lebih selamat dan mudah digunakan. Apabila pengguna mengakses sesuatu perkhidmatan, MyDigital ID hanya mengesahkan identiti pengguna tanpa menyimpan maklumat tentang transaksi atau aktiviti yang dilakukan. Malah berperanan sebagai kunci digital yang membolehkan pengguna membuka pintu kepada pelbagai perkhidmatan, tetapi tidak merekodkan apa-apa yang dilakukan selepas pintu tersebut dibuka. Pemisahan fungsi ini merupakan ciri keselamatan penting yang melindungi privasi pengguna.

Kerajaan dan pihak berkuasa turut mengambil langkah proaktif untuk menangani kebimbangan masyarakat tentang privasi dan keselamatan data. Rangka kerja perundangan dan peraturan yang ketat diwujudkan untuk memastikan MyDigital ID tidak disalahgunakan atau dijadikan alat pengawasan. Audit keselamatan berkala dilakukan oleh pihak ketiga yang bebas untuk memastikan sistem ini kekal berfungsi dalam batasan yang ditetapkan dan mematuhi piawaian privasi antarabangsa.

Bagi menggalakkan penggunaan MyDigital ID dalam kalangan masyarakat, pelbagai inisiatif dan faedah menarik diperkenalkan. Pengguna yang mendaftar MyDigital ID akan menikmati penjimatan masa yang ketara apabila berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Sebagai contoh, proses penukaran nama pemilik kenderaan yang biasanya mengambil masa beberapa jam di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bakal boleh diselesaikan dalam masa kurang daripada 10 minit. Pengguna juga tidak perlu lagi beratur panjang untuk membayar bil utiliti atau menguruskan urusan bank, kerana semua ini boleh dilakukan dengan sekali log masuk menggunakan MyDigital ID. Jika kini pengguna perlu hadir ke kaunter pejabat kerajaan bagi sebarang urusan pengesahan cap jari, perkara itu bakal tidak lagi diperlukan kerana MyDigital ID sudah cukup untuk menjadi platform pengesahan identiti.

Sistem ini turut menawarkan penjimatan kos yang signifikan kepada

pengguna. Kos pengangkutan dan tempat letak kereta yang perlu ditanggung untuk ke pejabat kerajaan dapat dijimatkan. Penjimatan bukan sekadar bagi pihak pengguna, namun akan turut dirasakan oleh pihak penyedia perkhidmatan yang telah diintegrasikan dengan MyDigital ID.


Kemudahan yang ditawarkan MyDigital ID merangkumi lebih daripada sekadar urusan rasmi. Sistem ini membolehkan pengguna menguruskan temu janji hospital, mendaftar untuk program latihan kemahiran, memohon biasiswa atau bantuan kewangan dan mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan lain tanpa perlu keluar rumah. Bagi peniaga kecil dan usahawan, MyDigital ID membuka pintu kepada ekosistem perniagaan digital yang luas, membolehkan mereka mendaftar perniagaan, memohon lesen dan mengakses pelbagai insentif kerajaan dengan lebih mudah.

Penggunaan MyDigital ID juga memberikan kelebihan dari segi keutamaan perkhidmatan. Pengguna sistem ini mendapat akses kepada waktu temu janji keutamaan daripada pelbagai agensi kerajaan, pemberitahuan awal tentang program dan bantuan kerajaan, serta saluran dedikasi bantuan pelanggan.

Dari aspek sosial, MyDigital ID membawa perubahan positif yang menyeluruh kepada masyarakat, manakala dari aspek ekonomi, sistem tersebut memudahkan akses kepada perkhidmatan perbankan digital dan menyokong pembangunan ekonomi digital di kawasan luar bandar. Proses urusan perniagaan dan perdagangan menjadi lebih pantas dan efisien, membuka peluang ekonomi baharu kepada masyarakat.

Dalam sektor kesihatan, MyDigital ID bakal memainkan peranan penting dalam memudahkan pengurusan rekod kesihatan digital dan membolehkan akses kepada perkhidmatan teleperubatan. Proses pendaftaran dan temu janji hospital menjadi lebih lancar, menjimatkan masa dan tenaga pengguna. Sistem ini juga bakal turut menyokong sektor pendidikan dengan menyediakan akses saksama kepada sumber pembelajaran digital dan memudahkan pengurusan rekod pendidikan. Konsep pembelajaran sepanjang hayat dapat direalisasikan dengan lebih berkesan melalui platform digital yang mudah dicapai.

Perkhidmatan awam turut mengalami transformasi positif dengan akses kepada dokumen dan rekod rasmi menjadi lebih mudah, manakala kecekapan penyampaian perkhidmatan meningkat secara ketara.



Teknologi dan inovasi sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman.

Sistem ini dikatakan akan mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan proses pentadbiran kerajaan.

Di sebalik segala potensi yang dibawa oleh MyDigital ID dalam usaha mentransformasi landskap digital negara, beberapa cabaran perlu ditangani secara berterusan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat mampu menikmati perubahan positif ini. Peningkatan liputan Internet di kawasan luar bandar dan pembaikan kualiti sambungan digital seharusnya menjadi keutamaan. Penambahan pusat perkhidmatan digital luar bandar akan memastikan akses yang lebih meluas. Program kesedaran

teknologi dan latihan digital perlu dipergiat, disokong oleh pembangunan bahan pembelajaran yang mesra pengguna.

Kebolehcapaian sistem turut diberi perhatian melalui penyesuaian antara muka untuk pelbagai tahap kemahiran pengguna. Sistem MyDigital ID dioptimumkan untuk penggunaan data minimum, memudahkan akses bagi pengguna di kawasan yang mempunyai sambungan Internet terhad.

Pelan pembangunan masa hadapan MyDigital ID merangkumi integrasi dengan lebih banyak perkhidmatan kerajaan dan swasta. Fungsi baharu akan ditambah mengikut keperluan masyarakat, manakala keupayaan sistem akan ditingkatkan secara berterusan. Program sokongan komuniti akan diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran digital di peringkat akar umbi. Rangkaian sokongan digital yang mampan akan dibina untuk memastikan keberkesanan sistem dalam jangka panjang.

Teknologi baharu akan terus diterapkan untuk meningkatkan keselamatan dan mengoptimumkan prestasi sistem. Keupayaan sistem akan dikembangkan untuk menampung keperluan masa hadapan, memastikan MyDigital ID kekal relevan dan efektif dalam era digital yang sentiasa berubah.

MyDigital ID merupakan langkah penting dalam merealisasikan wawasan Malaysia digital yang inklusif. Melalui pendekatan yang mengutamakan keperluan semua lapisan masyarakat, sistem ini diyakini dapat mengurangkan jurang digital dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan penting. Kejayaan inisiatif ini bergantung pada kerjasama berterusan antara kerajaan, sektor swasta dengan masyarakat. Dengan komitmen yang berterusan dan sokongan padu daripada semua pihak, MyDigital ID akan terus menjadi pemangkin dalam pembinaan ekosistem digital yang lebih inklusif dan mampan untuk rakyat Malaysia. ●